

JAS siasat bau busuk Sungai Teritit

Oleh Mohd Rafi Mamat - September 5, 2024 @ 9:01am
bhnews@bh.com.my



Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengambil contoh air Sungai Teritit yang tercemar bahan kimia. - Foto pembaca

KUANTAN: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang menyiasat susulan aduan bau busuk di Sungai Teritit, Merchong, dekat sini yang dibuat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

Dalam kenyataan JAS berkata sepasukan pegawai bersama pasukan Hazmat Bomba telah ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan serta pengujian.

Hasil siasatan mendapati bau busuk yang terhasil berpunca buangan berminyak yang dipercayai dibuang terus ke Sungai Teritit tepi jalan utama Pekan-Rompin.

"Berikutan itu Jawatankuasa Bencana Daerah Pekan telah digerakkan bagi menangani kes pencemaran Sungai Teritit berikutan terdapat penempatan berhampiran dengan lokasi kejadian," kata kenyataan itu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Bahan kimia dilupus secara haram disyaki cemar Sungai Teritit**
- **Pencemaran bau di Taman Perindustrian Tropika dari bahan kimia sama di Tiong Nam**
- **Sisa buangan dari longkang cemari Sungai Padang Terap**
- **JAS Kedah siasat kilang getah hasilkan bau busuk di Sungai Petani**
- **Sisa terjadual dilupus secara haram disyaki punca pencemaran Sungai Balok**
- **Penduduk 3 kawasan perumahan di Johor Bahru diancam bau bahan kimia**
- **Bahan kimia dilupus di tepi anak Sungai Pandan, penduduk terkesan dinasihat segera ke fasiliti kesihatan**
- **Mangsa Sungai Kim Kim masih trauma**

Persampelan terhadap buangan di kawasan terbabit telah dilakukan oleh JAS dan semua sampel telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk dianalisis.

Pihak Hazmat Bomba juga telah menjalankan pemantauan udara bagi menentukan tahap keselamatan di sekitar kawasan yang terjejas.

Pemantauan udara di sekitar kawasan tempat kejadian termasuk di Sungai Teritit mendapati bacaan udara berada pada paras normal.

Penduduk berhampiran dinasihat memakai pelitup muka dan tidak melakukan aktiviti menangkap ikan di sungai terbabit.

Sekiranya penduduk setempat mengalami gejala gatal kulit, mata berair, sesak nafas dan loya serta pening kepala mereka dinasihatkan ke Klinik Kesihatan Nenas.

Siasatan bagi mengesan penjenayah alam sekitar kini sedang giat dilakukan pihak berkuasa.

Mereka yang melalui Jalan Pekan-Rompin terutama di kawasan Sungai Teritit pada 30 Ogos lalu, sekitar jam 6 petang hingga 8 malam dan mempunyai rakaman Dashcam, diharap dapat tampil bagi membantu siasatan dengan menghubungi JAS di talian 09 5730636 atau 019 9151953.